

BAB KEEMPAT

SAYYID QUṬB DAN KARYANYA

4.0 Pengenalan

Bab ini akan membincangkan Sayyid Quṭb dan karya tulisnya, termasuk di dalamnya tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* dan terjemahannya dalam bahasa Melayu-Malaysia dan Melayu-Indonesia. Berbicara tentang karya seseorang, tentunya tidak akan lepas dari penulisnya. Oleh itu, bab ini juga akan membincangkan sekilas tentang Sayyid Quṭb dan tentang Yusoff Zaky Haji Yacob, penterjemah tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* ke bahasa Melayu-Malaysia.

Berbincang tentang Sayyid Quṭb dan karyanya juga tidak akan lepas dari pembahasan tentang pendapat beberapa kelompok orang yang telah membaca karya tulisnya. Oleh kerana itu, dalam bab ini juga akan dikemukakan pendapat-pendapat tersebut.

4.1 Kajian tentang Sayyid Quṭb dan Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān*

Buku *Fī Zilāl al-Qur'ān* adalah salah satu karya Sayyid Quṭb yang lebih dikenal sebagai reformis sosial dan sasterawan daripada seorang ahli tafsir. Oleh itu, banyak ulama yang mengkritik karya tulisnya ini.

Sejarah kehidupan dan pemikiran Sayyid Quṭb telah banyak dikaji oleh sejumlah penulis, termasuk dalam bentuk disertasi atau tesis. Di antara disertasi dan tesis tersebut yang diketahui tahun penulisannya oleh penulis tesis ini adalah:

1. سَيِّدُ قُطْبٍ وَتُرَاثُهُ الْأَدَبِيُّ وَالْفِكْرِيُّ /sayyid quṭb wa turāthuhu al-adabiy wa al-fikriy/ 'Sayyid Quṭb dan Warisan Sastra dan Pemikirannya'. Tesis Ph.D oleh 'Abd al-Raḥmān al-Bāliḥiy, Fakulti Syariah, Riyad, 1390-1391 H/ 1970-1971 M.

2. مَعَ سَيِّدِ قُطْبٍ فِي فِكْرِهِ السِّيَاسِيِّ وَالْإِجْتِمَاعِيِّ وَالِدِّينِيِّ /ma'a sayyid quṭb fī fikrihi al-siyāsīy wa al-ijtima'īy wa al-dīnīy/ 'Bersama Sayyid Quṭb dalam Pemikirannya tentang politik, sosial dan agama'. Tesis Ph.D dibuat oleh Maḥdīy Faḍl Allāh di Univesiti Sorbone, Prancis tahun 1976 (Ibn Maṣṣūr, 2007). Pada tahun 1978, tesis ini diterbitkan oleh Mu'assaṭ al-Risālaṭ, Beirut.

3. الْعَلَاقَةُ الْمَجَازِيَّةُ فِي كِتَابِ فِي ظِلَالِ الْقُرْآنِ /al-'alāqaṭ al-majāziyyaṭ fī kitāb fī zilāl al-qur'ān/ 'Hubungan Figuratif dalam buku *Fī Zilāl al-Qur'ān*', tesis Ph.D yang dibuat oleh Ṣalāḥ Maḥmūd 'Alī Syaḥātaṭ di Universiti al-Azhar pada tahun 1977.

4. سَيِّدُ قُطْبٍ حَيَاتُهُ وَأَدَبُهُ /sayyid quṭb ḥayātuhu wa adabuh/ 'Sayyid Quṭb Hidup dan Sastranya'. Disertasi sarjana dibuat oleh 'Abd al-Bāqī Ḥusayn di Universiti Dār al-'Ulūm, Kaherah pada tahun 1980.

5. مَنَهِجُ سَيِّدِ قُطْبٍ فِي ظِلَالِ الْقُرْآنِ /manhaj sayyid quṭb fī zilāl al-qur'ān/, tesis Ph.D dibuat oleh Asmā' binti 'Umar Fad'āq, Fakulti Da'waṭ dan Usūl al-Dīn, Jabatan al-Kitāb dan al-Sunnaṭ, Universiti Umm al-Qurā, Makkah al-Mukarramah, Saudi Arabia, tahun 1416 H/ 1995 M.

5. "Analisis terhadap Corak Pemikiran Teologi Sayyid Quthb", tesis Ph.D oleh Afif Muhammad pada tahun 1996 pada Program Pascasarjana di Institut Agama Islam Negeri, Syarif Hidayatullah, Jakarta dengan tajuk. Tesis ini kemudian oleh Penerbit Pena Merah, Bandung, pada tahun 2004 diterbitkan menjadi buku dengan tajuk *Dari Teologi ke Ideologi: Telaah Atas Metode dan Pemikiran Teologi Sayyid Quthb*.

6. "Terjemahan Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* oleh Yusoff Zaky Yacob: Suatu Kajian Dari Aspek Metodologi". Disertasi ini dikemukakan untuk memenuhi bahagian II Ijazah Sarjana Usuluddin. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, tahun 2002.

7. "Jihad Menurut Sayyid Quthub dalam Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān*", tesis Ph.D oleh Muhammad Chirzin, di Program Pascasarja IAIN Sunan Kalijaga, Yogyakarta pada tahun 2003. Tesis ini kemudian diterbitkan berupa buku dengan tajuk *Kontroversi Jihad di Indonesia: Modernis vs Fundamentalis*. Diterbitkan oleh Pilar Media, Yogyakarta pada tahun 2006.

Disertasi dan tesis lain yang belum penulis ketahui tahun pembuatannya, mengikut Ibn Manşūr (2007) adalah:

8. سَيِّد قُطْبُ فِكْرُهُ وَأَدَبُهُ 'Sayyid Quṭb, Pemikiran dan Sasteranya', tesis Ph.D oleh Samirat Fayyad, di *The Universiti of Manchester*¹.

9. ظُهُور دَاعِيَةِ إِسْلَامِي : التَّطَوُّرُ الْفِكْرِي عِنْدَ سَيِّدِ قُطْبُ /zuhūr dā'iyyaṭ islāmī: al-taṭawwur al-fikriy 'inda sayyid quṭb/ 'Kemunculan Juru Da'wah Islam: Perkembangan Pemikiran mengikut Sayyid Quṭb'. Tesis Ph.D oleh 'Adnān Ayyūb Muslim. *Universiti of Michigan*².

10. سَيِّد قُطْبُ النَّاقِدِ الْأَدَبِي /sayyid quṭb al-nāqid al-adabiy/ 'Sayyid Quṭb Pengkritik Sastera', tesis Ph.D Aḥmad al-Badawīy di Universiti al-Khurṭūm.

¹ Penulis belum berjaya memperoleh maklumat tentang tesis ini, apakah ditulis dengan bahasa Arab atau Inggeris. Demikian juga penulis belum berjaya memperoleh maklumat tentang jabatan di universiti ini, walaupun sudah mencarinya melalui laman rasmi <http://www.manchester.ac.uk/>.

² Sama halnya dengan tesis Ph.D yang dibuat oleh Samīraṭ Fayyad, penulis pun belum berjaya memperoleh maklumat apakah tesis ini ditulis dalam bahasa Inggeris atau Arab, juga nama jabatan tempat 'Adnān Ayyūb Muslim ini menuntut ilmu, meskipun sudah dicari melalui laman rasmi universiti <http://www.umich.edu/>.

11. سَيِّدُ قُطْبِ الْأَدِيبِ النَّاقِدِ /sayyid quṭb al-dīb al-nāqid/ 'Sayyid Quṭb Sasterawan Pengkritik', disertasi sarjana oleh 'Abd Allāh al-Khabbās, Fakulti Sastera, Universiti Urdun. Diterbitkan oleh Maktabaṭ al-Manār pada tahun 1983.

12. عَبْقَرِيّ الْإِسْلَامِ سَيِّدُ قُطْبِ الْأَدِيبِ الْأَعْمَلِاقِ وَالْمُجَدِّدِ الْمُؤَلِّمِ /'abqarī al-islām sayyid quṭb al-adīb al-'amlāq wa al-mujaddid al-mulhim/ 'Tokoh Genius Islam Sayyid Quṭb Sasterawan Besar dan Pembaharu Sumber Inspirasi', tesis Ph.D oleh Sayyid Basyīr Kasymīriy, pada *Central Institute of English & Foreign Languages*, Hyderabad, India.

13. "Sayyid Qutb: Terrorism and the Origins of Militant Islam", artikel dalam laman web <http://www.relijournal.com/Islam/Sayyid-Qutb-Terrorism-and-the-Origins-of-Militant-Islam.392473>, Dec 12, 2008, ditulis oleh Dr. Simon Ross Valentine. Setakat ini ia tengah melakukan penyelidikan di University of Bradford, UK, tentang sumbangan Sayyid Quṭb, Mawdudi dan Azzam terhadap ideologi jihad kontemporari.

4.2 Sejarah singkat Sayyid Quṭb

Sayyid Quṭb adalah seorang kritikus sastera, novelis, penyair, pemikir Islam, aktivis Muslim Mesir paling terkenal pada abad 20, tokoh Ikhwan Muslimin dan ideologinya (Abu Rabi`,1984: 93). Ia juga dikenal sebagai pentafsir fundamentalis khususnya berkenaan dengan konsep jihad (Muhammad Chirzin, 2006: ix).

Di mata pengkaji Barat, Sayyid Quṭb adalah "*one of the spiritual leaders of radical Islamism*", bahkan juga dikatakan sebagai "*the architect of worldwide jihad*". Apabila pemikiran Sayyid Quṭb akhir-akhir ini dikaji semula, seperti yang dilakukan oleh Simon Ross Valentine di University of Bradford, UK, semata-mata motivasinya

adalah kerana "*a full understanding of Qutb and his ideology is necessary if we are ever to overcome the threat of militant Islam*" (Valentine, 2008).

Wright (2006: 332) menyatakan bahawa Sayyid Qutb merupakan *intellectual father* bagi Zawahiri, Abu Ubaydah, Saif al-Adl, dan Abu Hafs, iaitu tokoh-tokoh yang mengamalkan pemikiran Sayyid Qutb dan dijadikan rujukan oleh Al-Qaeda.

Sayyid Qutb diadili di Mahkamah Tentera mulai 12 April 1966. Pada 21 Ogos, ia bersama 'Abd al-Fattāḥ Isma'īl dan bekas rakan satu selnya, Muḥammad Yūsuf Hawwāsy, dinyatakan bersalah dan dihukum mati di tiang gantungan pada hari Isnin 13 Jumadil Awal 1986 H/29 Ogos 1966. Hukuman gantung itu telah dilaksanakan secara mendadak ke atas Sayyid Qutb tanpa menghiraukan bantahan dunia Islam dan menolak secara tidak sopan telegram rayuan peribadi dari Raja Saudi Fayṣal ibn 'Abd al-'Azīz di mana baginda merayu supaya Sayyid Qutb dibebaskan dari hukuman gantung dan baginda bersedia memberi apa sahaja yang dituntut oleh Kerajaan Mesir (Sayyid Qutb, 2000: xl). Sejak kematiannya di tiang gantungan itu ia dikenal sebagai syahid bagi kebangkitan Islam (Esposito, 1987: 62).

4.3 Karya-karya Sayyid Qutb

Sayyid Qutb termasuk penulis yang produktif dan karya-karyanya sama ada dalam bentuk buku ataupun artikel dalam majalah. Beberapa bukunya telah diterjemahkan ke bahasa Persia, Inggeris, Jerman, Urdu, Turki, Perancis (Enayat, 1988: 67) dan Melayu-Malaysia dan Melayu-Indonesia. Menurut al-Khālidīy (1994: 523), buku-buku yang ditulis Sayyid Qutb dan diterbitkan hanya 26 (dua puluh enam) buah sahaja. Dari 26 buku tersebut, 25 buku diterbitkan semasa hidupnya, dan yang ke-26 baharu diterbitkan 20 tahun setelah beliau mati syahid, iaitu *مُعَوَّمَاتُ التَّصَوُّر*

الإسلامي /muqawwamāt al-taṣawwur al-islāmī/ 'nilai-nilai kefahaman Islam'. Dari ke-26 bukunya itu, buku *Fī Zilāl al-Qur'ān* 'di bawah bayangan al-Quran' merupakan mahakaryanya yang amat hebat.

Buku-buku yang diterbitkan itu ada dua jenis: Pertama: buku-buku sastera, berjumlah 13 buku. Kedua: buku-buku keislaman, juga berjumlah 13 buku. Berikut senarai buku yang diurutkan sesuai tahun terbitnya:

1. مَهَمَّةُ الشَّاعِرِ فِي الْحَيَاةِ وَشِعْرُ الْجَيْلِ الْحَاضِرِ /mahammaṭ al-syā'ir fī al-ḥayāt wa syi'r al-jayl al-ḥādir/ 'tugas penyair dalam hidup dan syair generasi kini', iaitu buku kritik sastera dan merupakan karya perdananya yang berupa buku. Diterbitkan tahun 1933.

2. الشَّاطِئُ الْمَجْهُولُ /al-syāṭi' al-majhūl/ 'pantai yang tidak dikenal', iaitu kumpulan syair pertama dan terakhir yang ditulis Sayyid Quṭb dan diterbitkan pada tahun 1935, kerana kumpulan-kumpulan syair lainnya tidak diterbitkan meskipun ia pernah mengumumkan bahawa kumpulan-kumpulan syairnya itu sedang dalam proses pencetakan. Kumpulan syair ini merupakan satu-satunya buku karya Sayyid Quṭb yang hanya dicetak sekali sahaja. Menurut al-Khālidiy (1994: 524), dugaan kuat alasannya adalah kerana sebahagian syair yang terdapat dalam buku tersebut kandungannya bertentangan dengan kefahaman Islam, kerana merupakan cerminan dari kekacauan fikirannya pada masa itu.

3. نَقْدُ كِتَابِ مُسْتَقْبَلِ الثَّقَافَةِ فِي مِصْرٍ /naqd kitāb mustaqbal al-thaqāfaṭ fī miṣr/ 'kritikan buku masa hadapan tamadun di Mesir'. Pada tahun 1938, Ṭāha Ḥusayn mengeluarkan buku bertajuk مُسْتَقْبَلِ الثَّقَافَةِ فِي مِصْرٍ /mustaqbal al-thaqāfaṭ fī miṣr/ 'masa hadapan tamadun di Mesir' yang menghebohkan warga Mesir, kerana penulisnya itu mempropagandakan agar Mesir dijadikan bahagian dari dunia Barat,

dan mengajak warga Mesir menerima tamadun Barat, dengan segala kebaikan dan keburukannya. Para sasterawan dan pemikir Mesir pun memberikan respons yang beragam. Sebahagian dari mereka ada yang menerima ajakannya itu dan sebahagian lain menolaknya. Di antara sasterawan yang paling keras menolak ajakannya itu adalah Sayyid Quṭb dengan menulis buku seperti disebutkan di atas yang diterbitkan pada tahun 1939.

4. *التَّصْوِيرُ الْفَنِّي فِي الْقُرْآنِ* /al-taṣwīr al-fannīy fī al-qur'ān/ 'penggambaran artistik dalam al-Quran'. Ini adalah buku pertama yang bersifat Islami. Diterbitkan pada bulan April tahun 1945 oleh Dār al-Ma'ārif di Mesir. Pada mulanya, buku ini merupakan dua siri makalah yang dalam majalah *المُقْتَطَف* /al-muqtaṭaf/ yang dimuat pada tahun 1939.

5. *الأطْيَاف الأربعة* /al-aṭyāf al-arba'at/ 'empat khayalan', diterbitkan oleh Lajnat al-Nasyr li al-Jami'iyīn pada tahun 1945. Dalam menyusun buku ini ketiga saudara Sayyid Quṭb: Hamīdat, Muḥammad, dan Amīnat turun menyumbang tulisan.

6. *طِفْلٌ مِنَ الْقَرْيَةِ* /tiflun min al-qaryat/ 'seorang kanak dari desa', diterbitkan oleh Lajnat al-Nasyr li al-Jami'iyīn pada tahun 1946. Buku biografi ini dihadiahkan bagi Ṭāha Ḥusayn sebagai wujud kekaguman Sayyid Quṭb terhadap bukunya *الأيام* /al-ayyam/ 'hari-hari' dan terhadap buku Tawfiq al-Ḥakīm *يَوْمِيَّات نَائِب فِي الأَرْيَاف* /yawmiyyāt nā'ib fī al-aryāf/ 'catatan harian seorang naib di desa'.

7. *المَدِينَةُ الْمَسْحُورَةُ* /al-madīnat al-maṣḥūrat/ 'bandar yang tersihir', iaitu legenda yang terilhami oleh kisah-kisah dalam Seribu Satu Malam. Diterbitkan oleh Dār al-Ma'ārif dalam siri *اقْرَأ* /iqra'/ 'bacalah' pada tahun 1946.

8. *كُتُبٌ وَشَخْصِيَّات* /kutub wa syakhṣiyyāt/ 'buku dan tokoh', iaitu kumpulan makalah kritikan yang pernah dimuat dalam pelbagai majalah. Buku ini merupakan

buku ketiga yang terbit pada tahun 1946, iaitu setelah buku *طِفْلٌ مِنَ الْقَرْيَةِ* /tiflun min al-qaryat/ dan *الْمَدِينَةُ الْمَسْحُورَةُ* /al-madīnat al-mashūrāt/.

9. *الأشْوَكَ* /al-asywāk/ 'duri', iaitu buku yang menceritakan kisah cinta yang sebenar yang dialami Sayyid Quṭb bersama dara tunangnya. Diterbitkan oleh Dār Sa'd Miṣr di Kaherah pada tahun 1947.

10. *مَشَاهِدُ الْقِيَامَةِ فِي الْقُرْآنِ* /masyāhid al-qiyāmat fī al-qur'ān/ 'pemandangan hari qiyamat dalam al-Quran'. Diterbitkan oleh Dār Sa'd Miṣr di Kaherah pada tahun 1947.

11. *رَوْضَةُ الطِّفْلِ* /rawdāt al-tifl/ 'taman kanak-kanak', iaitu siri cerita bagi kanak-kanak yang diterbitkan bekerja sama dengan Amīnat al-Sa'id dan Yūsuf Murād. Diterbitkan oleh Dār al-Ma'ārif pada tahun 1947.

12. *الْقِصَصُ الدِّينِيُّ لِلْأَطْفَالِ* /al-qīṣaṣ al-dīnī li al-aṭfāl/ 'kisah-kisah agama bagi kanak-kanak/, diterbitkan tahun 1947 oleh Maktabat Sa'd Miṣr di Kaherah.

13. *الْجَدِيدُ فِي اللُّغَةِ الْعَرَبِيَّةِ* /al-jadīd fī al-lughat al-'arabiyyat/ 'yang baharu dalam bahasa Arab'.

14. *الْجَدِيدُ فِي الْمَحْفُوظَاتِ* /al-jadīd fī al-mahfūzāt/ 'yang baharu dalam pelajaran al-mahfūzāt/.

Kedua buku ini merupakan buku kurikulum bagi para pelajar sekolah di bawah Kementerian Pendidikan. Sayyid Quṭb menulis kedua-dua buku tersebut bersama para ahli kurikulum di kementerian tersebut dan digunakan sebagai buku teks di sekolah-sekolah yang berada di bawah Kementerian Pendidikan sehingga musibah pertama tahun 1945 datang kepada Sayyid Quṭb. Kedua-dua buku tersebut dibatalkan penggunaannya manakala Sayyid Quṭb dipenjarakan semula pada tahun 1965.

15. النُّقْدُ الْأَدَبِيُّ – أُصُولُهُ وَمَنَاهِجُهُ /al-naqd al-adabī – uṣūluhu wa manāhijuhu/ 'kritik sastra – kaedah dan metodenya'. Diterbitkan di Kaherah oleh Dār al-Fikr al-'Arabī tahun 1948.

16. الْعَدَالَةُ الْإِجْتِمَاعِيَّةُ فِي الْإِسْلَامِ /al-'adālat al-ijtimā'iyat fī al-islām/ 'keadilan sosial dalam Islam'. Buku pertama Sayyid Quṭb tentang pemikiran Islam. Tamat ditulis sebelum berangkat ke Amerika pada tahun 1948 dan diterbitkan pada tahun 1949 ketika Sayyid Quṭb sedang berada di Amerika. Diterbitkan di Kaherah oleh Dār al-Kitāb al-'Arabī.

17. مَعْرَكَةُ الْإِسْلَامِ وَالرَّأْسُمَالِيَّةِ /ma'rakaṭ al-islām wa al-ra'sumāliyat/ 'pertempuran Islam dengan kapitalisme' yang ditulis sekembali Sayyid Quṭb dari Amerika dan diterbitkan pada tahun 1951 oleh Dār al-Kitāb al-'Arabī.

18. السَّلَامُ الْعَالَمِيُّ وَالْإِسْلَامُ /al-salām al-'ālamī wa al-islām/ 'perdamaian dunia dan Islam', iaitu buku yang mengandungi semangat revolusioner-reformis. Diterbitkan oleh Dār al-Kitāb al-'Arabī pada tahun 1951.

19. فِي ظِلَالِ الْقُرْآنِ /fī zilāl al-qur'ān/ 'di bawah bayangan al-Quran'.

20. دِرَاسَاتُ إِسْلَامِيَّةٍ /dirāsāt islāmiyyat/ 'Kajian Islam', diterbitkan pada tahun 1953 oleh Maktabat Lajnat al-Syabāb al-Muslim. Buku ini merupakan kumpulan tiga puluh lima makalah tentang Islam yang sebelumnya pernah diterbitkan dalam pelbagai majalah sebelum dan setelah revolusi, seperti majalah الرِّسَالَةُ /al-risālat/, الدَّعْوَةُ /al-da'wat/, الإِشْتِرَاكِيَّةُ /al-isytirākiyyat/, اللِّوَاءُ الْجَدِيدُ /al-liwā' al-jadīd/, dsb.

Dari kedua puluh buku tersebut, tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* dianggap sebagai mahakarya Sayyid Quṭb yang ditulis melalui empat tahapan, iaitu:

Tahapan pertama: Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* / dalam majalah الْمُسْلِمُونَ /al-muslimūn/.

Ketika Sa'id Ramaḍān menerbitkan majalah *المُسْلِمُونَ* /al-muslimūn/pada akhir tahun 1951, ia meminta SQ turut serta dalam menulis makalah pada setiap terbitannya. Sayyid Quṭb bermula menulis tentang pentafsiran al-Quran di bawah tajuk *فِي ظِلَالِ الْقُرْآنِ* /fī ḡilāl al-qur'ān/. Siri tafsir *فِي ظِلَالِ الْقُرْآنِ* /fī ḡilāl al-qur'ān/ pertama dimuat pada edisi ketiga majalah *المُسْلِمُونَ* /al-muslimūn/, iaitu pada bulan Februari 1952.

Siri tafsir *Fī ḡilāl al-Qur'ān* muncul dalam edisi-edisi berikutnya secara berterusan hingga mencapai tujuh siri dan berakhir pada pentafsiran ayat 103 dari Surah al-Baqaraṭ.

Tahapan kedua: Tafsir *Fī ḡilāl al-Qur'ān* sebelum penangkapan Sayyid Quṭb.

Pada siri ketujuh dari siri tafsir *Fī ḡilāl al-Qur'ān* dalam majalah /al-mus/, Sayyid Quṭb mengumumkan bahawa siri pentafsiran tersebut akan berakhir pada edisi hadapan dan akan diganti dengan topik baharu, iaitu *نَحْوُ مُجْتَمَعِ إِسْلَامِي* /naḡwa mujtama' islāmī/. Tafsir *Fī ḡilāl al-Qur'ān* sendiri akan terbit dalam bentuk buku sesuai dengan jumlah juzu al-Quran dan Sayyid Quṭb menjanjikan setiap dua bulan sekali akan terbit satu juzu.

Juzu pertama *Fī ḡilāl al-Qur'ān* terbit pada bulan Oktober 1952, diterbitkan oleh Dār Iḡyā' al-Kutub al-'Arabiyyaṭ di Kaherah.

Sayyid Quṭb memenuhi janjinya kepada para pembacanya. Setiap dua bulan, tafsir *Fī ḡilāl al-Qur'ān* terbit. Dan dalam rentang masa antara bulan Oktober 1952 hingga Januari 1954 telah terbit enam belas juzu dari tafsir *Fī ḡilāl al-Qur'ān*.

Tahapan ketiga: Penyelesaian tafsir *Fī ḡilāl al-Qur'ān* dalam penjara.

Sayyid Quṭb diajukan ke mahkamah dan dijatuhi hukuman penjara selama lima belas tahun. Pada masa-masa awal dalam penjara, Sayyid Quṭb belum

berkesempatan untuk menulis kerana seksaan yang begitu dahsyat yang dialaminya. Namun, ketika Sayyid Quṭb berada di penjara Ṭurraṭ dan penyeksaan pada dirinya berakhir, ia dimasukkan ke hospital penjara disebabkan oleh banyaknya penyakit yang dideritanya. Pada kesempatan inilah Sayyid Quṭb berjaya menyelesaikan tafsirnya.

Allah telah memudahkan Sayyid Quṭb untuk menulis dalam penjara sebagaimana memudahkan pihak penerbit untuk menerbitkannya. Hal itu berlaku dengan lancar meskipun sebetulnya peraturan penjara tidak membolehkan para penghuninya untuk menulis dan melarang mereka memiliki alat tulis. Penghuni yang ketahuan menyimpan alat tulis akan mendapat hukuman.

Sayyid Quṭb kekal menulis dalam penjara kerana ia telah terikat kontrak dengan pihak penerbit Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyaṭ. Ketika pemerintah melarang para penghuni penjara untuk menulis, penerbit mengajukan dakwaan kepada pemerintah. Setelah membayar ribuah poun, pemerintah memberi kebenaran kepada Sayyid Quṭb untuk menulis.

Presiden Jamāl 'Abd al-Nāṣir mendakwa kepada para ulama Pakistan bahwa Sayyid Quṭb bukanlah seorang tahanan, melainkan ia adalah seorang yang bebas. Buktinya, ia kekal menulis tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān*. Para kaki tangan kerajaan di luar penjara sentiasa memberikan jawapan sama seperti yang disampaikan oleh presiden manakalah mereka disoal perihal Sayyid Quṭb.

Pemerintah telah menunjuk Syaikh Muḥammad al-Ghazālīy sebagai pengawas agama yang bertugas menyemak tafsir sebelum dihantar ke percetakan. Syaikh Muḥammad al-Ghazālīy telah meloloskan semua juzu tafsir dalam cetakan pertamanya. Ia hanya menghapus komen Sayyid Quṭb dalam surah al-Burūj. Komennya itu kemudian menjadi sebuah fasal yang bertajuk هَذَا هُوَ الطَّرِيقُ /hādḥā

huwa al-ṭarīq/ 'Inilah Jalannya' dalam bukunya مَعَالِمُ فِي الطَّرِيقِ /ma‘ālim fī al-ṭarīq/ 'Tanda-tanda di Jalan'.

Sayyid Quṭb berjaya menyelesaikan tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān* dalam penjara di akhir tahun 50-an.

Tahapan keempat: Tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān* edisi revisi.

Pada cetakan pertama, tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān* tidak lebih dari rakaman perasaannya yang beraneka-ragam tentang ayat-ayat al-Quran, penjelasannya terhadap keindahan penggambaran ayat-ayat tersebut dan penyajian terhadap prinsip dan metode al-Quran.

Ketika berada dalam penjara, Sayyid Quṭb mempunyai kesempatan lebih lama untuk mengkaji al-Quran. Pemahamannya terhadap al-Quran dijadikan bekal dalam memikirkan peristiwa dan ujian yang datang silih berganti terhadap dirinya dan rakan-rakan seperjuangannya dalam kelompok *al-Ikhwān al-Muslimūn*. Dengan berpedoman terhadap ajaran al-Quran, Sayyid Quṭb menjelaskan rahsia yang terdapat di balik peristiwa dan ujian tersebut, menjelaskan pandangannya terhadap metode gerakan Islam, terhadap dakwah, pendidikan, reformasi, jihad dan perubahan.

Allah telah memberi Sayyid Quṭb kemampuan untuk memahami ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dengan gerakan sehingga ia dapat menjelaskan metode gerakan dalam dakwah dan ciri-ciri gerakan yang terdapat dalam al-Quran.

Pemahamannya ini Sayyid Quṭb tuangkan dalam pentafsiran tiga juzu terakhir dari tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān*. Ketiga-tiga juzu terakhir ini merupakan rakaman pemahaman Sayyid Quṭb yang baru terhadap gerakan.

Oleh kerana itu Sayyid Quṭb merasa perlu untuk merevisi tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān* berdasarkan pada pemahamannya yang baru tersebut. Maka pada awal tahun

1960, tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* edisi revisi juzu pertama terbit yang diterbitkan oleh penerbit yang sama, iaitu Dār Iḥyā' al-Kutub al-'Arabiyyat.

Jika buku *التَّصْوِيرُ الْفَنِّي فِي الْقُرْآنِ* /al-taṣwīr al-fannī fī al-qur'ān/ merupakan penjelasan terhadap kunci keindahan yang digunakan Sayyid Quṭb untuk membuka perbendaharaan keindahan al-Quran, maka edisi revisi tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* adalah "kunci gerakan" yang digunakan Sayyid Quṭb untuk membuka perbendaharaan gerakan yang terdapat dalam al-Quran.

Sayyid Quṭb dengan tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* ini dianggap sebagai pembaharu dalam dunia pentafsiran, kerana ia telah berjaya menambahkan makna dan pemikiran yang berkaitan dengan gerakan dan pendidikan yang tidak terdapat dalam tafsir-tafsir sebelumnya. Dengan tafsirnya ini, Sayyid Quṭb juga dianggap sebagai pengasas aliran baharu dalam tafsir, iaitu "aliran tafsir gerakan".

Sayyid Quṭb menulis juzu sepuluh pertama dari tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* edisi revisi berasaskan pada metode gerakan yang baru, mengikut pemahamannya terhadap al-Quran dan pentafsirannya. Pentafsirannya terhadap ayat-ayat al-Quran menjadi lebih panjang dan mendalam, terutama yang berkaitan dengan perkara akidah, dakwah, gerakan, jihad, syari'ah dan perkara jahiliyah.

Juzu ketujuh dan kelapan yang berisi pentafsiran terhadap surah al-An'ām, merupakan dua juzu yang paling memfokuskan pada metode gerakan baharu. Pemikiran Sayyid Quṭb terhadap metode tersebut tampak sangat jelas.

Ketika Sayyid Quṭb dibebaskan kerana alasan kesihatan pada tahun 1964, ia melanjutkan penulisan tafsir edisi revisi sehingga terbitlah juzu kesebelas, kedua belas, dan ketiga belas yang berakhir pada pentafsiran surah Ibrāhīm.

Sebenarnya, Sayyid Quṭb telah berazam untuk menyelesaikan baki juzu, iaitu juzu keempat belas hingga kedua puluh tujuh yang berasaskan pada pemahamannya

baharunya terhadap metode gerakan. Malangnya, penguasa menangkapnya semula, mengajukannya ke mahkamah yang menjatuhinya hukuman gantung. Sayyid Quṭb berpulang ke rahmatullah sebelum berjaya mewujudkan azamnya.

Setelah Sayyid Quṭb wafat sebagai seorang syahid pada tahun 1966, banyak penerbit di Lubnan yang berlumba untuk menerbitkan tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* dan buku-bukunya yang lain. Ketika itu, tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* terbit dalam lapan jilid sebagai terbitan haram, tanpa kebenaran dari ahli waris. Kemudian, Dār al-Syurūq menerbitkannya secara sah dalam enam jilid dengan mendapat kebenaran dari Muḥammad Quṭb sebagai ahli waris.

Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* telah diterjemahkan ke bahasa Inggeris, Perancis, Persia, Turki, Urdu, Melayu-Malaysia dan Melayu-Indonesia.

Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* ditulis setelah Sayyid Quṭb sendiri hidup di bawah naungan al-Quran selama 25 tahun seperti yang ia tulis dalam tafsirnya, setelah ia menghafal al-Quran seluruhnya dan mengkaji puluhan tafsir secara kritis. Dan di antara kelebihanannya adalah wujudnya mukadimah setiap surah, ringkasan topik-topiknya dan kandungan setiap surah secara analitik dengan menonjolkan ciri khas setiap surah dan naungannya yang khas, hikmat susunan ayat dan potongannya, nada muzikal bagi setiap potongan, perubahan akhir perkataan sesuai dengan konteks dan peranannya dalam memberi khabar gembira, peringatan, janji atau ancaman. Sayyid Quṭb membahas ayat-ayat Makkīyyaṭ yang banyak memfokuskan pada akidah tauhid yang benar, kemudian ayat-ayat Madaniyyaṭ yang banyak menjelaskan hukum-hukum syari'ah setelah berdirinya Daulah Islam oleh Rasulullah SAW di Madinah, dan perkara-perkara lainnya termasuk fenomena penggambaran artistik dalam al-Quran, aspek balaghah, aspek yang menjadikan al-Quran sebagai mukjizat (i'jāz) disamping penjelasan sebab-sebab turun ayat (asbāb al-nuzūl), masalah nāsikh dan

mansūkh, mutasyābih dan muḥkam³ dan pelbagai ilmu al-Quran, kenyataan-kenyataan ilmiah yang baru, peristiwa-peristiwa sejarah yang memenuhi teks al-Quran tanpa ada pertentangan, rahsia dan keajaiban al-Quran yang tak terhingga banyaknya. Ini dilihat dari sisi bentuk, dan dari segi kandungannya, metode yang digunakan oleh Sayyid Quṭb adalah tegas. Dalam mentafsirkan, ia berpegang teguh pada perkara-perkara yang ma'thūr, sentiasa kembali kepada sunah dan teks-teks yang diriwayatkan secara mantap, atau yang dihubungkan kepada Rasulullah SAW. Orang yang membaca *Fī Zilāl al-Qur'ān* akan merasakan bahawa penulisnya sangat berhati-hati sehingga misalnya ia tidak memasukkan dari apa yang disebut Isrā'īliyyāt yang banyak didapati dalam buku-buku tafsir sama ada yang dahulu mahupun yang sekarang. Sayyid Quṭb menjauhi cerita-cerita yang berbau legenda Taurat yang telah diubah itu. Dalam hal ini Sayyid Quṭb berbeza dengan para pentafsir lainnya yang banyak memasukkan cerita-cerita seperti itu.

Menurut al-Ṣāliḥ (2000: 319), dalam *Fī Zilāl al-Qur'ān* terdapat pandangan yang serasi dalam memahami metode al-Quran; dalam perkara pengungkapan serta penggambaran masalah. Tujuan pokok penulisannya ialah menyederhanakan prinsip-prinsip ajaran al-Quran demi pembangunan semula umat Islam. Tafsir ini lebih cenderung bersifat memberi pengarahannya daripada pengajaran.

Muhammad Chirzin (2006: 130-134), mengemukakan sepuluh ciri pentafsiran Sayyid Quṭb, iaitu:

³ Nāsikh adalah ayat yang menjadikan suatu hukum tidak berlaku sedangkan mansūkh adalah ayat yang hukumnya tidak berlaku yang dinyatakan oleh Nāsikh, dan ayat-ayat muḥkamāt adalah ayat-ayat yang maknanya jelas dan tidak mengandungi kemungkinan-kemungkinan, dan lawannya adalah ayat-ayat mutasyābihāt iaitu yang maknanya tidak jelas, sukar difahami dan mengandungi banyak kemungkinan, seperti kata قُرْوَةٌ /qurū'/ dalam surah al-Baqarāḥ ayat 228 yang maknanya mengandungi dua kemungkinan, iaitu masa haid dan masa suci (Ibn Hazm, t.t.: 62, 283).

1. Menggunakan ayat-ayat al-Quran sebagai penjelas. Misalnya, ketika mentafsirkan ayat ﴿ مَلِكِ يَوْمِ الدِّينِ ﴾ /māliki yawmi al-dīn/, Sayyid Quṭb mengutip surah Luqmān (31: 25) dan Qāf (50: 2-3). Ketika mentafsirkan tentang sihir, Sayyid Quṭb mengutip surah Tāha (20: 66).
2. Menggunakan hadis dalam mentafsirkan ayat al-Quran, misalnya hadis tentang ﴿ الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴾ /al-ḥamdu li allāhi rabbi al-‘ālamīn/ riwayat Ibnu Mājah dari Ibn ‘Umar.
3. Menggunakan perkataan sahabat dan pendapat ulama terdahulu. Misalnya, perkataan ‘Umar bin al-Khaṭṭāb tentang permohonan perlindungan penduduk Irak berkenaan dengan surah al-Baqaraṭ (2: 100) tentang menepati janji, dan pendapat Ibn ‘Abbās tentang syirik ketika membahas surah al-Baqaraṭ (2: 22).
4. Menggunakan sumber maklumat dari luar tradisi Islam, seperti *Perjanjian Lama* ketika menggambarkan sifat Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, berbanding dengan dewa *Olympus* yang kejam dalam tradisi Yunani dan mengutip konsepsi agama lain sebagai bahan perbandingan dengan konsepsi Islam.
5. Melengkapi pentafsirannya dengan data sejarah, misalnya ketika mentafsirkan surah al-Baqaraṭ (2: 85-86), ia menghuraikan sifat suku Aws dan Khazraj yang sentiasa bermusuhan.
6. Menekankan analisis munasabah, misalnya huraian tentang Nabi Musa a.s. yang diikuti dengan huraian tentang Bani Israil, kemunasabahan antara pembukaan surah dengan penutupnya, seperti tampak dalam pentafsiran surah al-Baqaraṭ yang mengemukakan sifat-sifat orang beriman dan karakteristik iman.

7. Menekankan kecermatan analisis bahasa terhadap redaksi ayat. Misalnya, ketika menjelaskan iblis dalam surah al-Baqaraṭ (2: 34) yang disebutkan di antara malaikat. Sayyid Quṭb menjelaskan bahawa meskipun disebutkan di antara malaikat, iblis bukanlah dari jenis malaikat. Partikel pengecuali ^{لَا} /illā/ dalam ayat tersebut tidak bermaksud bahawa iblis sejenis dengan malaikat. Disebutkannya iblis bersama malaikat membolehkan pemakaian partikel pengecuali tersebut.
8. Menekankan pentingnya iman dan dakwah. Misalnya, Sayyid Quṭb mengemukakan perkara itu pada bahagian akhir daripada pengantar surah al-Baqaraṭ dan akhir pembahasan kelompok ayat 1-29.
9. Menekankan analisis rasional, misalnya tentang sihir dalam surah al-Baqaraṭ (2: 102-103). Ia menjelaskan bahawa sihir yang mempunyai kekuatan boleh memisahkan suami-isteri semata-mata berlaku dengan kebenaran daripada Allah. Sihir terjadi di setiap masa ketika sebahagian manusia memiliki kekhususan yang substansinya belum dapat dijabarkan oleh pengetahuan. Ia seumpama hipnotis dan telepati.
10. Mengaitkan pentafsiran ayat dengan konteks kekinian, misalnya ketika mengkaji surah al-Baqaraṭ (2: 116-117) ia menjelaskan bahawa kesesatan pemikiran kaum Yahudi dan Nasrani tentang ketuhanan dan penyelewengan mereka dari tauhid adalah seumpama kaum Musyrikin Arab. Pertengkaran ahli kitab Nasrani tentang al-Masih dan kalangan Yahudi tentang Uzair terus berlaku dalam bentuk Zionisme, Salibisme dan Komunisme Antarbangsa yang jauh lebih kafir daripada kaum Musyrikin Arab.

Afif Muhammad (2004: 69) menilai bahawa Sayyid Quṭb adalah seorang tokoh yang tidak sahaja menghadirkan diri sebagai seorang pemikir melalui tulisan-tulisannya, tetapi juga sebagai pejuang yang aktif dalam pergerakan kemerdekaan bersama bangsanya di pelbagai kegiatan, termasuk politik praktikal.

Pensyarah IAIN Sunan Gunung Djati Bandung, Indonesia yang sangat mengagumi Sayyid Quṭb sehingga membina Pesantren Mahasiswa yang dinamakan Fi Zhilal al-Quran ini melihat dengan jelas bahawa alur ideologisasi Sayyid Quṭb melalui empat langkah berikut:

Pertama: mencari metode tersendiri dalam mentafsirkan ajaran Islam dan menggali konsep-konsep secara langsung dari al-Quran. Kedua: mengembalikan kepercayaan kaum Muslim terhadap warisan asli mereka (turath). Dengan upaya ini Sayyid Quṭb mengkritik dengan tajam pemikiran Barat, dengan menunjukkan pelbagai keburukannya, seraya mengangkat kelebihan-kelebihan ajaran Islam. Ketiga: melakukan pentakrifan semula secara total konsep-konsep penting dan mendasar dalam ajaran Islam, misalnya konsep iman dan Islam, takdir dan ikhtiar, dengan berpijak pada pentafsiran al-Quran, tanpa meninggalkan pendekatan-pendekatan rasional. Dengan usaha ini – mengikuti Afif Muhammad – Sayyid Quṭb seakan hendak membangun suatu masyarakat dan budaya yang Islami pula. Keempat: menegaskan sikap non-kompromi terhadap budaya Barat yang dipandang bertentangan dengan ajaran Islam, sambil tetap mengakui sumbangannya yang besar terhadap kemanusiaan dalam bidang teknologi (Afif Muhammad, 2004: 225).

4.4 Terjemahan tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān*.

Seperti dikemukakan di atas bahawa tafsir *Fī Zilāl al-Qur’ān* telah diterjemah ke pelbagai bahasa dunia, seperti bahasa Turki, Urdu, Inggeris, beberapa bahasa

Afrika, dan bahasa Melayu yang mencakup bahasa Malaysia dan Indonesia. Penterjemahan ke bahasa Melayu dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob selama kira-kira sebelas tahun (1983-1994), terdiri dari 17 jilid. Ia diterbitkan oleh Pustaka Aman Press Sdn. Bhd. dengan kerja sama Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia dengan tajuk *Tafsir Fi Zilalil Qur'an: Di Bawah Bayangan Al-Quran*.

Terjemahan dalam bahasa Melayu ini telah dikaji oleh Mohd. Asmadi bin Yakob (2002) dalam bentuk disertasi sarjana di Universiti Malaya dengan tajuk "Terjemahan Tafsir Fi Zilal al-Quran oleh Yusoff Zaky Yacob: Suatu Kajian Dari Aspek Metodologi".

4.4.1 Sekilas tentang Yusoff Zaky Haji Yacob

Nama beliau ialah Yusof bin Yacob. Manakala nama 'Zaky' adalah gelaran yang diberikan oleh sahabat-sahabat beliau semenjak awal tahun 1940-an ketika terlibat secara aktif dalam Kelab Setiawan Budi. Beliau dilahirkan di Kampung Gajah Mati, Kota Bharu pada 13 Jun 1928 (Mohd. Asmadi bin Yakob, 2002). Beliau merupakan anak ketiga daripada tujuh orang adik-beradik. Nama adik-beradiknya ialah Husin, Hasan, Siti Nor, Fatimah, Siti Aisyah dan Mohammad Nor. (Ismail Che Daud 2001: 597). Ayah beliau bernama Haji Yacob bin Haji Ahmad dan lebih dikenali dengan Tuan Guru Haji Yacob Gajah Mati (Ibid: 607). Manakala ibu beliau bernama Hajjah Halimah binti Haji Che Ha dan merupakan cicit kepada Tok Kweng Khatib Nuh yang berasal dari Kuala Lemal, Pasir Mas, Kelantan (Ibid: 598).

Beliau mendapat pendidikan awal secara tidak formal adalah daripada ayahnya sendiri. Pendidikan yang diterima daripada ayahnya bukan berbentuk konservatif, walaupun sebahagian ulama-ulama Kelantan pada waktu itu berfikiran sedemikian. Ayah beliau tidak menyekat kebebasan anak-anaknya untuk berambut

panjang (tidak berkepala botak) dan memakai seluar (tidak memakai kain pelikat), walaupun ramai ulama zaman itu yang melarang berbuat sedemikian rupa (Ibid: 604). Di samping itu, ayah beliau turut berpesan agar mencari rezeki yang halal, jangan melanggar hukum-hukum agama dan jangan meninggalkan solat. Manakala pendidikan formal yang diterima oleh beliau ialah: Beliau menerima pendidikan awal pada pertengahan tahun 1930-an di Sekolah Majlis Kota Bharu. Kemudian melanjutkan pelajaran ke Sekolah Arab Jami' Merbau Isma'ili di Kota Bharu, merupakan satu-satunya sekolah pondok yang sistematik pada ketika itu iaitu memakai system kelas dan mengadakan peperiksaan (Ismail Che Daud, 2001: 601). Kemudian menyambung pelajaran ke Mesir pada tahun 1949 dengan bantuan kewangan daripada abangnya iaitu Dato' Husin Haji Yacob. Kemudian ke American Cairo University dalam bidang pendidikan dan psikologi.

Yang berjasa sebagai guru, selain ayah beliau sendiri Haji Yacob bin Haji Ahmad, juga Tok Khurasan iaitu Abu Abdullah Syed Hasan bin Nor Hasan, Ustaz Abdul Rabb al-Tamimi, Tuan Guru Haji Abbas Bukit Tiu, Tuan Guru Ahmad Maher, Tuan Guru Saad Kangkung, Nik Abdul Rahman, Ustaz Khatib Ali, Ustaz Wan Sulaiman dan lain-lain.

Beliau telah menamatkan zaman bujangnya ketika berusia 27 tahun dengan gadis pilihan keluarga pada tahun 1955. Nama isterinya ialah Datin Hajjah Azizah binti Haji Yusoff ketika berusia 20 tahun, dilahirkan pada 11 Ogos 1935, merupakan anak ketiga daripada empat orang adik-beradik dan merupakan satu-satunya anak perempuan dalam keluarganya. Beliau dianugerahkan tiga orang putera iaitu: Nasir Zihni yang merupakan seorang peguam korporat di Kuala Lumpur. (Berkelulusan *LLB Lincoln Inns*), Irfan Zaky, merupakan seorang usahawan (berkelulusan Sains Komputer di Nagoya, Jepun), dan Nublan Zaky, merupakan

seorang Timbalan Pengarah Syarikat di Kuala Lumpur dan seorang pengarang buku ‘*Economic Islamic Perspective Stock Market*’.

Selain menterjemah tafsir *في ظلال القرآن* /fi zilāl al-qur’ān/, Yusoff Zaky Haji Yacob juga menulis sejumlah buku lain. Dalam bidang psikologi: *Psikologi Remaja*, *Psikologi Kanak-kanak*, *Psikologi Takut*, *Ilmu Jiwa*, *1001 Masalah Jiwa Manusia*, *Mencari Kejernihan Jiwa*, *Rahsia Kebahagiaan*, *Manusia yang Sempurna* dan *Memahami Jiwa Manusia Menurut Perspektif Islam*. Selain itu beliau juga menghasilkan puisi, sajak dan sebagainya.

Beliau meninggal dunia di Hospital Besar Kota Bharu pada jam 4.30 pagi 19 Januari 1999 bersamaan 1 Syawal 1419 H akibat penyakit jantung dan buah pinggang yang dideritai oleh beliau selama sebulan sebelum ajalnya tiba. Beliau telah dikebumikan di Perkuburan Banggol. Beliau meninggal dunia ketika berusia 76 tahun (Majalah Pengasuh, 1419 H: 53).

4.4.1.1 Metode penterjemahan Yusoff Zaky Haji Yacob

Berbicara tentang metode penterjemahan, sepatutnya merujuk kepada metode penterjemahan yang pernah dibincangkan (lihat Bab Ketiga, Subbab 3.4). Newmark (1988: 45) mengemukakan bahawa seseorang yang melakukan penterjemahan tidak akan terlepas dari dua kecenderungan, iaitu penterjemahan yang lebih mengutamakan BS atau BT.

Pada umumnya, metode yang digunakan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob adalah penterjemahan padanan dinamis atau penterjemahan idiomatis mengikut pendapat Beekman dan Callow. Alasannya adalah kerana secara keseluruhan Yusoff Zaky Haji Yacob telah berjaya “menyampaikan makna teks asli kepada pembaca bahasa

penerima dengan menggunakan bentuk nahu dan kosa kata bahasa penerima yang wajar” (lihat Beekman and Callow, 1974: 24).

Mohd. Asmadi bin Yakob (2002: 118) berpendapat bahawa penterjemahan yang dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob “boleh digolongkan dalam penterjemahan dinamis”.

Untuk mengetahui bagaimana Yusoff Zaky Haji Yacob telah “menggunakan bentuk nahu dan kosa kata bahasa penerima yang wajar”, berikut contohnya:

(97) لَقَدْ تَمَّتْ هِجْرَةُ الرَّسُولِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى الْمَدِينَةِ بَعْدَ
 تَمْهِيدٍ ثَابِتٍ وَإِعْدَادٍ مُحْكَمٍ. تَمَّتْ تَحْتَ تَأْتِيرِ ظُرُوفٍ حَتَمَتْ
 هَذِهِ الْهِجْرَةَ (A/1/28)

/la-qad tamma-t hijratu al-rasul sallā allāhu
 art telah sempurna ia (f) hijrah art-rasul telah bersalawat Allah
 ‘alay-hi wa sallama ilā al- madīnati
 atas- nya (m) dan telah memberi salam kepada art-Madinah
 ba‘da tamhīdin thābitin wa i‘dādin muḥkamin
 setelah persediaan teguh dan persiapan teliti
 tamma-t taḥta ta‘thiri ḡurūfin
 telah sempurna ia (f) di bawah kesan keadaan
 ḡatamat hādhihi al-hijrat
 telah mewajibkan ia (f) ini (f) art-hijrah

‘Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah itu telah berlangsung M/1/39
 selepas selesai diadakan langkah-langkah persediaan yang kukuh
 dan rapi. Ia telah berlangsung di bawah desakan keadaan-
 keadaan yang tertentu. Keadaan-keadaan inilah yang
 memastikan berlakunya hijrah itu’.

Ayat dasar bahasa Arab pada umumnya bermula dengan KK (predikat) yang diikuti oleh KN (subjek), seperti yang telah dibincangkan dalam Bab Ketiga (lihat sub-bab 3.3). Sementara ayat dasar bahasa Melayu berlaku kebalikannya. Pada umumnya, ayat dasar bahasa Melayu bermula dengan KN (subjek) kemudian diikuti

oleh KK (predikat). Dari contoh di atas, kita ambil bahagian ayat yang mengandungi subjek dan predikat:

تَمَّتْ هِجْرَةُ الرَّسُولِ

/tamma-t hijratu al-rasul/

telah sempurna hijrah rasul

KK FN

'hijrah Rasulullah telah berlangsung'

FN FK

Dari contoh di atas tampak bahawa bahasa Melayu-Malaysia yang digunakan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob adalah bentuk nahu yang wajar, sesuai dengan tatabahasa Melayu. Demikian pula dengan penterjemahan KK تَمَّتْ /tammat/ dengan 'telah berlangsung' dan bukannya 'telah sempurna', meskipun erti asalnya adalah memang 'telah sempurna'.

Untuk mengetahui lebih lanjut bagaimana telah berjayanya Yusoff Zaky Haji Yacob dalam menterjemahkan ayat dalam contoh di atas, mari kita bandingkan dengan terjemahan versi Melayu-Indonesia berikut:

Hijrah Rasulullah SAW ke Madinah itu telah berlangsung selepas (M/1/39)

selesai diadakan langkah-langkah persediaan yang kukuh dan rapi. Ia

telah berlangsung di bawah desakan keadaan-keadaan yang tertentu.

Keadaan-keadaan inilah yang memastikan berlakunya hijrah itu.

Telah sempurnalah hijrah Rasulullah saw. ke Madinah sesudah (I/2/67)

melakukan persiapan yang mantap dan matang. Telah sempurna di

bawah pengaruh situasi dan kondisi yang memastikan hijrah ini.

Dalam terjemahan versi Melayu-Indonesia, KK تَمَّتْ /tammat/ diterjemahkan secara harfiah. Susunan ayat pun mengikuti sistem nahu bahasa Arab yang bermula dengan KK.

Metode lain yang digunakan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob adalah gabungan antara penterjemahan semantik dan penterjemahan idiomatik mengikuti pendapat Newmark (1988: 46), yang boleh disebut sebagai penterjemahan **semantik-idiomatik**. Penterjemahan semantik, menurut Newmark, adalah penterjemahan yang mempertimbangkan keindahan dan kewajaran teks BS, dan penterjemahan idiomatik adalah penterjemahan yang menghasilkan semula pesan BS dengan mengubah bentuk nuansa makna melalui pengutamaan kata atau ungkapan sehari-hari dan idiom-idiom yang tidak terdapat dalam BS. Contoh:

(98) (A/1/210)
 فَيَقِفُ الْجَمِيعُ عَلَى قَدَمِ الْمَسَاوَةِ الْحَقِيقِيَّةِ

/fa ya- qifu al- jami' u'ala qadam-i al-musawati
 maka ia (m) berdiri art-semua atas kaki art-persamaan
 al-haqiqiyat-i/
 art-sebenar

(M/1/499)

'Seluruh mereka berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah di hadapan Allah Tuhan semesta alam'

Teks Arab di atas, secara harfiah bererti 'maka semua berdiri di atas kaki persamaan yang sebenar'. Terjemahan seperti ini tidak menjadi pilihan Yusoff Zaky Haji Yacob. Beliau sebagai warga Melayu yang mempersembahkan karyanya bagi masyarakat Melayu merasa lebih mantap dengan memilih penterjemahan semantik-idiomatik seperti tampak dalam contoh di atas.

Selain metode di atas, Yusoff Zaky Haji Yacob juga terkadang menggunakan metode adaptasi seperti telah dibincangkan dalam Bab Ketiga, contoh-contoh (71) hingga (75).

Penterjemahan harfiah terkadang juga dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji

Yacob seperti tampak dalam contoh berikut⁴:

(99) وَتَرَكُ كُلٌّ مِنَ الزَّوْجَيْنِ يَخِطُ رَأْسَهُ فِي الْجِدَارِ (A/1/580)

/wa tark-u kull-in min al- zawja-yn-i
dan membiarkan setiap dari art-suami isteri
ya- khbiṭ-u ra's-a -hu fī al- jidār-i/

ia (m) menghentakkan kepala-nya (m) di art-dinding
'...dan membiarkan suami isteri itu menghentakkan kepala (M/3/176)
mereka di dinding...'

Ungkapan *يَخِطُ رَأْسَهُ فِي الْجِدَارِ* /ya-khbiṭ-u ra's-a-hu fī al-jidār-i/ dalam contoh di atas merupakan kiasan. Suami isteri dalam ayat tersebut tidak dibiarkan menghentakkan kepalanya di dinding dalam makna yang sesungguhnya. Yang dimaksud adalah "*merasa jemu dan gelisah kerana sesuatu perkara yang tak kunjung terselesaikan*" (lihat Fāyid, 2007: 287). Contoh penterjemahan harfiah lainnya:

(100) وَلَا يُفْتَرَضُ فِي كِلْتَا الْحَالَتَيْنِ أَنَّ مَعْمُومَاتَ فِطْرَتِهِ سَطْحِيَّةٌ تُنْشَأُ بِقَائِنُونَ أَوْ تُكْشَطُ بِجَرَّةٍ قَلَمٍ (A/1/13)

/wa la yu- ftaraḍu fī kiltā al- ḥālatayni
dan tidak ia (m) diandaikan dalam kedua-dua art-keadaan
anna muqawwimāt-a fiṭrati-hi saḥiyyat-un
bahawa asas-asas fitrah-nya (m) dangkal
tu- nsya'u bi- qānūn-in aw tu- ksyaṭu
ia (f) diwujudkan dengan undang-undang atau ia (f) dihapus
bi- jarrat-i qalam-in/
dengan tarikan pena

'Dan dalam dua keadaan ini sistem ini juga tidak mengandaikan bahawa asas-asas fitrah makhluk insan ini adalah asas-asas yang dangkal yang hanya wujud dengan kuasa undang-undang atau boleh dihapuskan dengan hujung pena sahaja...'

⁴ Pembahasan tentang penterjemahan harfiah sila lihat sub-bab 6.1.2.5.

Idiom بِجَرَّةِ قَلَمٍ /bi-jarrat-i qalam-in/ yang secara harfiah bererti “*dengan tarikan pena*” diterjemahkan menjadi “*dengan hujung pena sahaja*” . Fāyid (2007: 82) mentakrifkan idiom بِجَرَّةِ قَلَمٍ /bi-jarrat-i qalam-in/ dengan بِسُرْعَةٍ وَبَسَاطَةٍ بِدُونِ جُهْدٍ /bi-sur‘at-in wa basāṭat-in bi-dūni juhd-in wa ‘anā’-in/ ‘*dengan cepat dan senang tanpa bersusah payah*’.

Apa yang dikemukakan oleh Mohd. Asmadi bin Yakob (2002: 128) bahawa Yusoff Zaky Haji Yacob “gemar menggunakan perkataan berganda sebagai tanda jamak” tidak lain dari petunjuk bahawa Yusoff Zaky Haji Yacob sering terpengaruh oleh sistem teks BS, iaitu bahasa Arab yang memang sangat “gemar menggunakan perkataan berganda”. Mari kita semak contoh-contoh berikut:

- (101) تَصَوُّرَاتِ الْجَاهِلِيَّةِ (A/1/11)
 /taṣawwurāt al- jāhiliyyat/
 kefahaman-kefahaman art-jahiliyah
 ‘...kefahaman-kefahaman dan tanggapan-tanggapan jahiliyah...’ (M/1/2)
- (102) الْأَسْبَابُ الَّتِي تَعَارَفَ عَلَيْهَا النَّاسُ (A/1/13)
 /al-asbāb allatī ta‘ārafa ‘alay-hā
 art-sebab-sebab yang (f) mengetahui ia (m) atas-nya (f)
 al- nās/
 art-manusia
 ‘Segala sebab-sebab yang diketahui umum itu...’ (M/1/6)
- (103) الْأَسْبَابُ وَالْمُقَدِّمَاتِ (A/1/13)
 /al- asbāb wa al- muqaddimāt/
 art-sebab-sebab dan art-mukadimah-mukadimah
 ‘...sebab-sebab dan muqaddimah-muqaddimah...’ (M/1/6)
- (104) الْآثَارُ وَالنَّاتِجِ (A/1/13)
 /al- āthār wa al- natā’ij/
 art-kesan-kesan dan art-natijah-natijah
 ‘...kesan-kesan dan natijah-natijah’ (M/1/6)

(105)	أَهْوَاجِسُ وَالْوَسَاوِسُ	(A/1/13)
	/al- hawājis wa al- wasāwis/ art-bisikan-bisikan dan art-godaan-godaan '...bisikan-bisikan dan godaan-godaan...'	(M/1/6)

Contoh-contoh di atas memperlihatkan bagaimana penterjemah begitu setia mengikut bentuk teks BS. Bentuk jamak diberi padanan dengan bentuk jamak yang serupa. Penterjemahan seperti ini boleh dianggap sebagai penterjemahan setia (*faithful translation*). Newmark (1988: 46) mengkategorikannya sebagai penterjemahan yang memberi penekanan terhadap BS.

Untuk memperoleh terjemahan yang wajar, penterjemah biasanya melakukan apa yang disebut oleh Catford (1965: 73) sebagai *translation shifts* atau anjakan terjemahan (Catford, 1996: 94). Anjakan yang dapat dilakukan dalam penterjemahan contoh-contoh di atas adalah anjakan bentuk (Machali, 2000: 64). Bentuk jamak dalam teks BS boleh diubah menjadi bentuk tunggal dalam teks BT.

Kerana kesetiaannya terhadap bentuk teks BS, Yusoff Zaky Haji Yacob tampak kurang mengindahkan kaedah tatabahasa Melayu. Dalam contoh di atas, misalnya, dalam menggunakan kata bilangan. *Segala* adalah kata bilangan yang berfungsi sebagai penerang jumlah pada frasa nama, dan kata segala ini menunjukkan bilangan tak tentu. Oleh sebab perkataan ini sudah menunjukkan jamak, KN yang mengikutinya tidak perlu diulang. Mengikuti kaedah *Tatabahasa Dewan*, frasa *segala sebab-sebab* seperti dalam contoh di atas, dianggap salah (Nik Safiah Karim *et al*, 2006: 273)

Dalam menterjemahkan istilah, Mohd. Asmadi bin Yakob (2002: 130) menemukan bahawa Yusoff Zaky Haji Yacob lebih suka mengekalkan istilah-istilah sesuai dengan teks dalam BS. Mengikuti teori yang dikemukakan oleh Catford

(1965: 56) apa yang dipilih oleh Yusoff Zaky Haji Yacob seperti ini adalah penterjemahan fonologi (*phonological translation*). Di antara alasannya -- mengikut pendapat Mohd Asmadi bin Yakob -- adalah kerana istilah-istilah tersebut memang tidak terdapat dalam *Kamus Dewan* yang selalu digunakan oleh beliau. Contoh yang dikemukakan oleh Mohd Asmadi bin Yakob (2002: 131) adalah:

Istilah	Maksud Sebenar ⁵
al-mala'ul a'la	Tuhan
arjah	pendapat yang lebih kuat
imaniyah	keimanan
insaniyah	kemanusiaan
isnad	sandaran
kafirin	jamak bagi kafir: orang-orang kafir
khilafah	pemerintahan
kulli	secara keseluruhan
ma'bud	yang disembah
majhul	tidak diketahui
masyi'ah	kehendak
muttaqin	orang-orang yang bertakwa
rububiyah	sifat ketuhanan yang mentadbir alam ini
sahibud-da'wah	pendakwah
ummi	buta huruf

Kamus Dewan yang selalu digunakan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob, tentunya edisi awal, di mana beliau memulakan penterjemahan pada tahun 1983 (Sayyid Qutb, 2000: xvii). Kini, beberapa istilah di atas telah masuk sebagai lema dalam *Kamus Dewan* Edisi Keempat (2005). Misalnya, istilah **khilafah** yang diberi tanda → **khalifah** dan entri **khalifah** diberi takrif “Ar. 1. pengganti (kpd Nabi Muhammad SAW, (gelaran) ketua agama dan raja di negara Islam...” (Noresah bt. Baharom, *et*

⁵ Maksud sebenar yang diberikan oleh Mohd. Asmadi bin Yakob perlu diluruskan. الْمَلَأُ الْأَعْلَى /al-mala'u al-a'la/ dalam kamus الْمُعْجَمُ الْعَرَبِيُّ الْأَسَاسِيُّ /al-mu'jam al-'arabiyy al-asasiyy/ berarti عَالَمُ الْأَزْوَاجِ الْمَجْرَدَةِ /'alamu al-arwah al-mujarradat/ (Jamā'at min kibār al-lughawiyīn al-'arab, 1989: 1148) ‘alam arwah yang abstrak’. Demikian juga istilah khilafah yang tidak dapat ditakrifkan sebagai pemerintahan, kerana istilah khilafah lebih cenderung kepada sistem pemerintahan khas Islam seperti yang berlaku pada zaman al-Khulafā' al-Rāsyidīn.

al, 2005: 78). Juga istilah **ummi** yang diberi takrif ‘Ar tidak berpendidikan (orang yang buta huruf)....(ibid: 1765).

Penterjemahan fonologi yang dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob dinilai oleh Mohd. Asmadi bin Yakob (2002: 137) sebagai terjemahan yang “akan menimbulkan kesulitan kepada pembaca, terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai asas pengajian agama”.

Sistem nahu bahasa Melayu memang tidak sepenuhnya diikuti oleh Yusoff Zaky Haji Yacob, misalnya dalam penggunaan ejaan (Mohd. Asmadi bin Yakob (2002: 131-132).

Ejaan yang Digunakan Yusoff Zaky Yacob	Ejaan Kamus Dewan Edisi Keempat
‘alam al-wujud	Alam
‘aqidah	Akidah
aqliyah	Akliah
da’wah	Dakwah
haqiqi	Hakiki
infaq	Infak
khaliq	Khalik
maqam	Makam
maudhu’	mauduk
Mu’min	Mukmin
munafiqin	munafikin
muqaddimah	mukadimah
nifaq	nifak
qudrat	kudrat
Ramadhan	Ramadan
ri’ayah	riayah
rohaniyah	rohani
syakhsiyah	syahsiah
tabi’i	tabii
taqwa	takwa
tawajjuh	tawajuh

Apapun kekurangan yang terdapat dalam terjemahan karya Yusoff Zaky Haji Yacob ini, apabila dibandingkan dengan terjemahan versi Melayu-Indonesia, terdapat beberapa kelebihan, di antaranya: Penterjemahan yang dilakukan oleh

Yusoff Zaky Haji Yacob mendapat kebenaran dari ahli waris, keluarga Sayyid Quṭb secara tertulis. Dalam jilid 1, halaman xiv, antara lain saudara kandung Sayyid Quṭb, iaitu Muhammad Quṭb menulis:

Sudah ditakdirkan Allah buku ini tersebar di kebanyakan negeri di dunia Islam, samada di dalam bahasa asalnya iaitu bahasa Arab atau dalam bentuk terjemahan beberapa bahasa seperti Bahasa Turki, Bahasa Urdu, Bahasa-bahasa Afrika dan beberapa juzu'nya diterjemahkan dalam bahasa Inggeris.

Apabila Penerbitan Warisan Sendirian Berhad meminta kebenaran hak menterjemah ke bahasa Melayu dan hak mencetak dan menerbitkannya agar dimanfaatkan oleh penduduk Malaysia yang berminat, kami menyambut baik permintaan tersebut dan mengizinkan Penerbitan berkenaan melaksanakannya.

Kini telahpun dimulakan percetakan terjemahan dalam bahasa Melayu. Saya merasa gembira dapat menuliskan kata pengantar ini dan mengalu-alukan usaha pihak pengurusan Penerbitan Warisan Sd. Bhd. dan menyanjung tinggi usaha gigih penterjemahnya Ustaz Yusoff Zaky Haji Yacob. Saya berharap Allah memberikan manfaat dengan terjemahan ini, dan menerima baik usaha penyusunnya, penterjemahnya dan penerbitannya, serta menjadikannya semata-mata ikhlas kepada Allah dan dituliskan di dalam lambaran amalan mereka pada hari Qiamat.

Amin.

Muhammad Quṭb (Sayyid Qutb, 2000: 1/xiv)

Bahkan kebenaran dari wakil pewaris Sayyid Quṭb ini berlangsung dalam pertemuan di rumah Muḥammad Quṭb di Kota Makkah al-Mukarramah pada bulan Disember 1997 (Sayyid Qutb, 2000 :xx).

Terjemahan dalam bahasa Melayu-Malaysia ini, selain mendapat kebenaran dari keluarga Sayyid Quṭb, juga dikaji oleh ahli-ahli panel penyemak. Hal itu dilakukan "untuk memelihara dan memastikan kesahihan terjemahan, susunana ayat-ayat al-Quran dan matan-matan kumpulan hadith-hadith yang terdapat dalam setiap juzu' tafsiran...". Ahli panel dan pentashih yang ditubuhkan itu sangat berkelayakan, kerana dianggotai oleh:

1. Sahibus-Samahah Dato' Haji Muhammad Syukri bin Muhammad, Timbalan Mufti Kerajaan Kelantan.
2. Sahibul-Fadhilah Dato' Haji Daud bin Muhammad, Qadhi Besar Negeri Kelantan.
3. Ustaz al-Adib Muhammad Labib Ahmad, Penulis Islam terkenal dan bekas Penolong Pengarang Majalah Dian.

Kemudian, dua orang dari ahli panel dan pentashih ini, iaitu Dato' Haji Daud bin Muhammad dan Dato' Haji Mohammad Syukri bin Mohammad mengemukakan pandangannya antara lain:

"...Kami menyedari betapa beratnya tugas penterjemah dalam usaha penterjemahannya, kerana pemakaian bahasa Arab oleh Sayyid Qutb begitu tinggi, namun kami dapati penterjemah sebagai seorang yang agak lama berkecimpung dalam bidang penulisan dan penterjemahan yang mempunyai pengalaman dan kemahiran dalam dua bahasa, Arab dan Melayu, telah berjaya menyelami isi kandungan kitab tersebut dan dapat menyampaikan maksudnya ke dalam bahasa Melayu dengan begitu tepat dan meyakinkan, tanpa menjelaskan maksud dan struktur ayat yang asal di samping menampilkan teknik penafsiran yang lebih mudah". (Sayyid Qutb, 2000: xxii)

Dengan terdapatnya keterlibatan ahli panel penyemak dan pentashih ini, dan dengan penterjemahan yang menelan waktu selama kira-kira sebelas tahun, penulis boleh menyimpulkan bahawa penterjemahan yang dilakukan oleh Yusoff Zaky Haji Yacob ini merupakan pekerjaan yang sungguh-sungguh.

4.4.2 Terjemahan tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* dalam bahasa Melayu- Indonesia

Terjemahan tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* ke bahasa Indonesia dilakukan pada tahun 2000 dalam 12 jilid. Diterbitkan oleh Gema Insani, Jakarta. Tajuk dalam bahasa

Melayu-Indonesia adalah *Tafsir Fi Zhilalil Qur'an: Di Bawah Naungan Al-Quran*. Berbanding terjemahan dalam bahasa Melayu, terjemahan dalam bahasa Indonesia ini – sepanjang pengetahuan penulis – tidak mendapat kebenaran dari ahli waris. Dalam edisi bahasa Melayu, pihak penerbit mencantumkan surat kebenaran dari keluarga Sayyid Quṭb seperti dikemukakan di atas. Selain itu, kata pengantar pun hanya sebuah sahaja, iaitu daripada penerbit. Sedangkan dalam edisi Melayu-Malaysia, kata pengantar diberikan oleh Pengarah JAKIM, Ketua Pengarah YPEIM, keluarga Sayyid Quṭb, penterjemah, di samping pandangan yang diberikan oleh ahli-ahli panel penyemak.

Penterjemahan dilakukan oleh satu kumpulan penterjemah. Penulis belum memperoleh maklumat, berapa lama penterjemahan ini dilakukan. Tentang jumlah penterjemah, dalam beberapa jilid disebutkan hanya tiga orang nama, iaitu As`ad Yasin, Abdul Aziz Salim Basyarahil, dan Muchotob Hamzah. Tetapi dalam dalam beberapa jilid yang lain, jumlah penterjemah bertambah. Mereka adalah: Drs. As`ad Yasin, Abdul Hayyie al-Kattani, Lc., H. Dr. Idris Abdul Somad, H. Harjani Hefni, Lc., H. Ahmad Dumyati Bashori, M.A., Abu Ahmad `Izzi, M.A., H. Samson Rahman, M. A., Hidayatullah, Lc., H. Bakrun, M. A., H. Zainuddin Bashiran, Lc., H. Fauzan, Lc., K. H. Mufti Labib, MCL., Tajuddin, Lc., Drs. Muchatob Hamzah. Ustaz Abdul Aziz Basyarahil bertindak sebagai editor ahli bersama Dr. Hidayat Nur Wahid M.A.

Salah seorang penterjemah yang boleh dianggap paling produktif dalam penterjemahan adalah Ustaz Abdul Azis Salim Basyarahil, tokoh senior perkumpulan al-Irsyad⁶.

⁶ Perhimpunan Al-Irsyad Al-Islamiyyah (Jam'iyyat al-Islāh wa al-Irsyād al-Islāmiyyat) ditubuhkan pada 6 September 1914 (15 Syawwal 1332 H). Tarikh ini merujuk kepada penubuhan Madrasah Al-Irsyad

Pendapat beberapa tokoh tentang tafsir *فِي ضَلَالِ الْقُرْآنِ* /fi zilāl al-qur'ān/

dicantumkan dalam kulit belakang. Di antaranya, diberikan oleh Prof. K.H. Ali Yafie:

"Ada perasaan yang berbeda ketika saya membaca Tafsir Fi Zhilalil Qur'an. Kata-kata yang digunakan oleh al-Ustadz Quthb begitu indah dan menyentuh hati sehingga menyemangati saya untuk berislam serta memperjuangkannya. Sungguh merupakan suatu buku tafsir yang wajib dibaca oleh setiap muslim agar hidupnya menemukan arah sebagaimana yang Allah tunjukkan".

Pujian serupa diberikan oleh Dr. Hidayat Nur Wahid M.A.:

"Tafsir Fi Zhilalil Qur'an adalah tafsir yang menggerakkan. Pribadi Ustadz Sayyid Quthb yang aktif berdakwah hingga akhir hayatnya memberi nuansa haraki yang kuat pada tafsirnya tersebut. Sementara itu, keindahan sastra pada Tafsir Fi Zhilal dihasilkan dari pendidikan beliau di bidang sastra dan aktivitas tulis-menulisnya yang panjang. Dengan begitu, membaca karya beliau ini akan menggerakkan umat Islam untuk mencapai cita-cita mulia Izzul Islam wal Muslimin. Menghadirkan Islam yang tidak menjadi beban melainkan rahmatan lil alamin".

4.5 Penutup

Demikianlah pembahasan tentang Sayyid Quthb dan karyanya. Meskipun kritikan demi kritikan kekal dilancarkan pada diri dan pemikiran ulama yang meninggal dunia sebagai seorang syahid di tiang gantungan ini, hal itu tidak menjadi penghalang bagi sesiapa pun untuk kekal melakukan kajian terhadap karya tulisnya, di samping terhadap pemikirannya seperti yang dilakukan oleh Dr Simon Ross Valentine di University of Bradford, UK itu.

Menarik untuk dikaji lebih lanjut tentang kesan pemikiran Sayyid Quthb terhadap perjuangan umat Islam setakat ini, terlebih setelah Kementerian Pendidikan

Al-Islamiyyah yang pertama, di Jakarta. Pengakuan hukumnya sendiri baru dikeluarkan pemerintah Kolonial Belanda pada 11 Agustus 1915.

Tokoh utama pendirian Al-Irsyad adalah al-'Allāmaṭ Syaykh Aḥmad al-Surkatīy al-Anṣārīy, seorang ulama besar Makkah yang berasal dari Sudan. Pada mulanya Syaykh al-Surkatīy datang ke Indonesia atas permintaan perkumpulan Jami'at Khair -yang mayoritas anggota pengurusnya terdiri dari orang-orang Indonesia keturunan Arab golongan *sayyid*, dan ditubuhkan pada 1905. (http://al-irsyadbogor.or.id/index.php?option=com_content&task=view&id=12&Itemid=37)

Arab Saudi baru-baru ini memerintahkan untuk menarik dua buku Sayyid Quṭb dari perpustakaan-perpustakaan sekolah di Saudi, kerana dinilai berisi ide-ide ekstrimis dan boleh menyesatkan para siswa-siswi yang membacanya.

Perintah penarikan kedua buku itu diakui oleh direktur sekolah khusus anak lelaki di provinsi 'Asīr, 'Abd al-Raḥmān al-Fāṣil dan direktur sekolah khusus anak perempuan di provinsi Abhā, Ibrāhīm al-Hamdān. Dua buku Sayyid Quṭb yang diperintahkan untuk ditarik dari perpustakaan berjudul سَيِّدُ قُطْبِ الْمُفْتَرَى عَلَيْهِ /sayyid quṭb al-muftarā 'alayhi/ 'Sayyid Quṭb Yang Didustakan' dan الْجِهَادُ فِي سَبِيلِ اللَّهِ /al-jihad fi sabili allah/ 'Jihad di Jalan Allah' (<http://www.alwatan.com.sa/NEWS>, 26 November 2008, Edisi 2980, Tahun Kesembilan).

Maklumat ini perlu kiranya diketahui kerana tidak tertutup kemungkinan bila-bila masa Tafsir *Fī Zilāl al-Qur'ān* yang menjadi sumber data kajian ini pun ditarik dari perpustakaan atau dilarang peredarannya. Buku-buku karya Sayyid Quṭb bukan sekadar kaya dengan pemikiran-pemikirannya sahaja tetapi juga kaya dengan gaya bahasa yang beliau gunakan.